



KERAJAAN MALAYSIA

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

PIAWAIAN PERAKAUNAN KERAJAAN

PPK 8

DIS 2005

**PIAWAIAN PERAKAUNAN
KERAJAAN**

**PENYATA
AKAUN
MEMORANDUM**

PPK 8

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PPK 8

Penyta Akaun Memorandum

Dikeluarkan oleh:

Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 1-8, Lot 2G1A, Presint 2
Kompleks Kementerian Kewangan
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 W.P Putrajaya

Tel : 03-88821000

Faks : 03-88895821

E-mel : janm@anm.gov.my

Laman web: www.anm.gov.my

Kandungan

<i>Isi Kandungan</i>	<i>Perenggan</i>
TUJUAN	1
SKOP	2
LATAR BELAKANG	3
DEFINISI PENYATA AKAUN MEMORANDUM	4
KLASIFIKASI AKAUN MEMORANDUM	5
DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN	6
PERSEMBAHAN DALAM PENYATA KEWANGAN	7
TARIKH KUAT KUASA	8

1. TUJUAN

Pernyataan ini adalah bertujuan untuk menetapkan piawaian perakaunan Penyata Akaun Memorandum mengikut Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak – 1985).

2. SKOP

Pernyataan ini hendaklah digunakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang menguruskan Akaun Memorandum dan penyediaan Akaun Memorandum.

3. LATAR BELAKANG

3.1 Pernyataan Penyata Akaun Memorandum adalah:

3.1.1 sebagai satu garis panduan bagi menyeragamkan amalan perakaunan yang merangkumi definisi, klasifikasi, prosedur perakaunan dan persembahan dalam penyata kewangan kerajaan.

3.1.2 berasaskan Perlembagaan Persekutuan dan Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak – 1985) dan dilaksanakan mengikut Arahan Perbendaharaan serta aturan dan peraturan kewangan lain yang berkuat kuasa.

3.2 Mana-mana perenggan di dalam piawaian ini yang merujuk kepada peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan hendaklah juga dirujuk kepada peruntukan Perlembagaan Negeri yang berkaitan mengikut mana yang berkenaan melainkan dinyatakan secara khusus.

4. AKAUN MEMORANDUM

4.1 Definisi

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan aset dan **liabiliti** kerajaan yang tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan.

5. KLASIFIKASI MEMORANDUM ASET DAN LIABILITI

5.1 Memorandum Aset

Memorandum aset adalah aset Kerajaan yang tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Aset yang ditunjukkan diklasifikasikan seperti berikut:

5.1.1 Pinjaman Boleh Dituntut

Pinjaman Boleh Dituntut adalah baki pinjaman yang diberikan oleh kerajaan Persekutuan dan kerajaan Negeri kepada pihak-pihak berikut mengikut mana yang berkenaan:

- (a) Kerajaan Negeri
- (b) Pihak Berkuasa Tempatan
- (c) Badan Berkanun
- (d) Koperasi
- (e) Syarikat
- (f) Perseorangan dan
- (g) Pelbagai pihak.

5.1.2 Pelaburan

Pelaburan adalah pegangan ekuiti dalam Badan Berkanun, saham dalam syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan saham dalam syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat-syarikat lain.

5.1.3 Deposit Berkanun

Deposit berkanun adalah deposit dalam bentuk selain daripada wang tunai yang dipegang oleh Kerajaan tertakluk kepada Akta yang berkenaan.

5.2 Memorandum Liabiliti

Memorandum Liabiliti menunjukkan hutang kerajaan dan kontinjen liabiliti yang tidak ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan. Liabiliti yang ditunjukkan diklasifikasikan seperti berikut:

5.2.1 Hutang Awam

Hutang awam adalah baki hutang dalam dan luar negeri.

5.2.2 Jaminan

Jaminan adalah amaun yang dijamin oleh kerajaan bagi pinjaman dalam dan luar negeri yang diambil oleh agensi kerajaan. Jaminan akan menjadi liabiliti sebenar sekiranya agensi gagal membayar balik pinjaman.

5.2.3 Nota Kena Bayar

Nota kena bayar adalah amaun yang akan dibayar pada suatu masa akan datang kepada agensi mengikut jadual atau di atas permintaan.

5.2.4 Akaun Saham Tak Dituntut

Akaun saham tak dituntut adalah saham yang diserahkan kepada Akauntan Negara di bawah peruntukan Akta Syarikat 1965, Akta Pemegang Amanah 1949 dan Akta Syarikat Amanah 1949. Saham tersebut dipegang oleh kerajaan sehingga dituntut oleh empunya yang sah atau dilupus kerajaan.

5.2.5 Akaun Depositori Pusat

Akaun Depositori Pusat adalah amaun sekuriti yang telah dipindahkan kepada Akaun Depositori Pusat - Menteri Kewangan mengikut kehendak Seksyen 14, 29 dan 30 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori) (Pindaan No.2) 1998. Saham tersebut dipegang oleh kerajaan sehingga dituntut oleh empunya yang sah atau dilupus kerajaan.

5.3 Pengecualian

Aset dan liabiliti yang tidak dilaporkan di perenggan 5.1 dan 5.2 di atas jika sesuai boleh dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

6. DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN

6.1 Perakaunan Akaun Memorandum

6.1.1 Aset

Perolehan aset dan pemberian pinjaman oleh kerajaan dipertanggungjawabkan kepada perbelanjaan mengurus, perbelanjaan pembangunan atau Akaun Amanah. Amaun tersebut tidak dilaporkan sebagai aset di dalam Lembaran Imbangan tetapi dilaporkan di dalam Penyata Akaun Memorandum.

6.1.2 Liabiliti

Pinjaman yang diambil oleh kerajaan hendaklah diakaunkan ke dalam Akaun Pinjaman Disatukan.

Oleh kerana baki Akaun Pinjaman Disatukan telah ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan, baki hutang-hutang kerajaan tidak ditunjukkan sebagai liabiliti di dalam Lembaran Imbangan tetapi dilaporkan di dalam Penyata Akaun Memorandum.

Liabiliti lain seperti Jaminan, Nota Kena Bayar, Akaun Saham Tak Dituntut dan Akaun Depositori Pusat juga dilaporkan di dalam Penyata Akaun Memorandum.

6.1.3 Matawang Asing

Baki Hutang luar negeri dalam matawang asing hendaklah dilaporkan dalam Ringgit Malaysia berdasarkan kepada kadar pertukaran Bank Negara Malaysia pada 31 Disember sesuatu tahun kewangan.

7. PERSEMBAHAN DALAM PENYATA KEWANGAN

Persembahan Penyata Akaun Memorandum hendaklah mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak-1985) dan Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 - Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan.

7.1 Angka Bandingan

Angka bandingan tahun sebelumnya juga perlu ditunjukkan.

7.2 Format

Format Penyata Akaun Memorandum adalah seperti di Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 – Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan.

8. TARIKH KUAT KUASA

Tarikh kuat kuasa piawaian ini bermula dengan tahun kewangan 2007.